

Sambutan Raya Care Bears Pertama di Malaysia Ceriakan Kanak-Kanak di Resorts World Genting

Genting Highlands, 28 Mac 2026 – Sempena Hari Raya Aidilfitri, Resorts World Genting membawa keceriaan dan pengalaman bermakna kepada kanak-kanak kurang berkemampuan menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) khasnya, Jom Lepak Open House, yang dianjurkan bersempena sambutan Jom Raya Kaw Kaw 2026.

Menghidupkan semangat berkongsi rezeki, seramai 32 orang kanak-kanak dari Badan Amal Nur Zaharah, Janda Baik diraikan dalam satu program istimewa di resort hari ini. Bertempat di Kimhua Atrium yang dihiasi dekorasi Raya bertemakan *Care Bears*[™] oleh *Cloudco Entertainment*, kanak-kanak berpeluang menikmati kemeriahan Syawal berwarna-warni, diinspirasikan oleh watak-watak ikonik tersebut yang menambahkan sentuhan ceria dan penuh makna kepada musim perayaan ini.

Program dimulakan dengan pengalaman istimewa menaiki kereta kabel sambil menikmati pemandangan indah dan seterusnya keseronokan diteruskan di taman tema Skytropolis dengan peluang merasai pelbagai permainan dan tunggangan menarik. Kanak-kanak ini kemudian dibawa ke jamuan Rumah Terbuka di Jom Makan Street Food, di mana mereka dihidangkan dengan sajian istimewa dalam suasana yang mesra dan selesa. Mereka kemudiannya dibawa ke Kimhua Atrium untuk aktiviti-aktiviti menarik termasuk sesi *Meet and Greet* bersama *Cheer Bear* dan *Grumpy Bear*, serta Bengkel Lukisan Coaster Raya yang memberi ruang untuk mereka mengekspresikan kreativiti masing-masing. Aktiviti-aktiviti yang dirancang ini bukan sahaja berjaya mencetuskan senyuman dan gelak tawa, malah memberikan pengalaman Raya yang lebih bermakna buat mereka.

Inisiatif Jom Lepak Open House mencerminkan komitmen Resorts World Genting dalam menyumbang kepada masyarakat sambil mengangkat nilai kasih sayang, keprihatinan dan kebersamaan yang menjadi teras sambutan Hari Raya. Kolaborasi bersama *Care Bears* turut menyerlahkan elemen kehangatan, keceriaan dan sentuhan magis kepada pengalaman kanak-kanak tersebut.

Selain inisiatif CSR ini, sambutan Jom Raya Kaw Kaw 2026 terus memeriahkan Kimhua Atrium dengan pelbagai tarikan menarik. Sebagai sambutan Raya *Care Bears* yang pertama di Malaysia, pengalaman ini menampilkan dekorasi bertema, ruang bergambar yang menarik serta aktiviti interaktif yang sesuai untuk seisi keluarga. Pengunjung juga berpeluang bertemu *Cheer Bear* dan *Grumpy Bear* pada hujung minggu, mengunjungi *Care Bears Merchandise Pop-Up Booth* serta mendapatkan pelbagai barangan eksklusif bertema.

Pengunjung juga boleh menyertai program *Spend and Participate*, di mana pembelian dengan nilai tertentu melayakkan mereka mendapatkan kenang-kenangan peribadi melalui *Care Bears Digital Photobooth* di Kimhua Foyer. Selain itu, program *Syawal Redemption* (Belanja dan Tebus)

menawarkan paket *Raya Care Bears* eksklusif, baucar membeli-belah serta barangan edisi terhad seperti pin khas dan cawan. Penebusan boleh dibuat di Kaunter Informasi, Zouk Atrium (Aras 1) sehingga 12 April.

Menambahkan lagi kemeriahan, perlbagai hiburan harian di Kimhwa Atrium seperti *Raya Mana Dance Show*, *Raya Robot Show*, serta persembahan tradisional seperti Wayang Kulit, Cak Lempung dan Dikir Barat turut diadakan. Sepanjang musim perayaan ini, persembahan tarian Raya turut diadakan dengan elemen interaktif yang mengajak pengunjung turut serta memeriahkan suasana.

Berlangsung sehingga 12 April 2026, Jom Raya Kaw Kaw 2026 menggabungkan elemen komuniti, aktiviti interaktif dan persembahan budaya dalam satu sambutan Raya yang meriah dan penuh kenangan.

Untuk maklumat lanjut, layari rwgenting.com atau ikuti platform media rasmi RWG.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global,

termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.

About Cloudco Entertainment

Cloudco Entertainment, a portfolio company of IVEST Consumer Partners, is a family and children's entertainment, consumer products, and brand management company, and the owner of iconic lifestyle brands such as Care Bears™, Holly Hobbie™, Madballs™, Boy Girl Dog Cat Mouse Cheese™, Twisted Whiskers™, Buddy Thunderstruck™, and Overlord & The Underwoods™. Cloudco creates, develops, and produces multi-platform entertainment franchises across all media channels, along with a wide range of consumer products and experiences that engage multi-generational fans, immersing both kids and adults in the brands they love.

About Care Bears™

Introduced in 1982 through consumer products, greeting cards, and later a series of animated television shows and feature films, Care Bears remains one of the most beloved lifestyle properties in the world. With their signature belly badges and endearing messages of sharing, caring, and friendship, the Care Bears from Care-A-Lot continue to inspire multi-generational fans across the globe. The Care Bears first appeared in television specials in 1983 and 1984, followed by a long-running animated series and a successful leap to the big screen with The Care Bears Movie trilogy (1985–1987). Care Bears & Cousins, a Netflix original CGI-animated series, launched in fall 2015. In 2019, the brand introduced a refreshed look and mission with Care Bears: Unlock the Magic, a 50-episode, 2D animated series currently streaming on HBO Max in the U.S. and other key territories, with all-new specials also available globally on Netflix. Celebrating nearly 45 years of global impact, Care Bears continues to thrive as a multi-generational brand with strong retail momentum and a loyal fan base. With a consumer-first approach and an evergreen presence across pop culture, global consumer products, and digital gaming, the brand remains a powerful force for collaboration and expansion.